## MOFAZ Direct mempelopori konsep Kesihatan, Kesenangan dan Kesejahteraan dalam kehidupan bersama segenap lapisan Rakyat Malaysia

*MOFAZ Direct memberikan ganjaran hebat dan lumayan kepada ahli-ahlinya*

Kuala Lumpur, 8hb Januari, 2010 – MOFAZ Direct hari ini menganjurkan acara khas untuk meraikan ahli-ahli setianya atas sokongan dan kepercayaan mereka kepada konsep " Wellness, Wealth and Wellbeing " yang dikongsi bersama setiap ahli MOFAZ Direct.

Melalui pertandingan khas anjuran bersama MOFAZ Direct dan Hi5 , 5 orang ahli yang bertuah berpeluang memenangi hadiah percutian ke 5 destinasi menarik setiap 5 minggu sekali. Pertandingan ini akan berlangsung sehingga 1hb. Ogos, 2010, dan menawarkan pakej percutian impian ke Gold Coast, Australia, Hong Kong, Jakarta, Cherating dan Genting Highlands.

Dengan adanya 80 pengedar aktif di seluruh Lembah Kelang, ahli- ahli MOFAZ Direct diberikan lebih peluang untuk memenangi hadiah percutian impian ke destinasi menarik di sekitar Rantau Asia Pasifik. Penyertaan pertandingan ini adalah sangat mudah, dimana setiap ahli baru yang mendaftarkan keahlian mereka akan di beri 5 kupon. Setiap kupon ini boleh ditebuskan di pengedar-pengedar sah MOFAZ Direct dan High 5 untuk sebungkus roti Hi5 White Bread (400 gm) dan sebotol minuman Aqua Fonte 500ml keluaran MOFAZ Dagang. Setiap kupon yang ditebuskan member peluang kepada ahli tersebut untuk melayakkan diri bagi cabutan hadiah setiap 5 minggu sekali. Lebih banyak kupon yang di beli dari MOFAZ Direct, lebih banyaklah peluang yang diperolehi untuk memenangi hadiah yang disediakan. Selain itu, ahli yang lebih aktif ini juga dapat menjana pendapatan peribadi mereka melalui program MOFAZ Direct, dan turut berpeluang menikmati khasiat produk-produk menyihatkan keluaran MOFAZ Direct.

Ahli-ahli yang berdaftar dan bakal berdaftar juga akan diberi penerangan bagaimana mereka dapat menjadi sebahagian daripada aliran perkembangan pasaran terbesar melalui MOFAZ Direct sebagai ahli sepenuh masa atau ahli separuh masa dengan menikmati faedah kerjaya melalui program-program menarik yang dijana oleh MOFAZ Direct. Selain itu, para hadirin juga akan diperkenalkan kepada perkembangan terkini produk-produk bertenaga, semulajadi dan berkhasiat keluaran MOFAZ Direct, dan pada masa yang sama ahli- ahli yang telah pun menyertai program MOFAZ Direct dapat berkongsi pengalaman berkenaan bagaimana taraf hidup mereka berjaya meningkat selaras dengan penjanaan pendapatan kewangan berdasarkan perancangan dan daya usaha sendiri.

**Ketua Pegawai Eksekutif MOFAZ Direct, Haji Johari Ismail** telah dipetik sebagai berkata, "Di MOFAZ Direct, kami berpegang teguh kepada konsep ***mens sana in corpore sano,*** di mana setiap produk kami di hasilkan atas prinsip manusia perlulah berusaha untuk hidup dengan aman dan sejahtera secara fizikal, sosial dan kewangan, dan bukan hidup semata-mata bergantung nyawa sahaja".

**Untuk keterangan lanjut sila hubungi :**


| | |
|---|---|
| **ZURAIDA DAHALAN** | **ADIT RAHIM** |
| **Tel: +603 7728680** | **Tel: +603 79526888** |
| **Email: zuraida@mofaz.com** | **website: www.mofaz.com** |